

# Pelabur Jepun eratkan hubungan

B.H. 18 JUN 1992

KUALA LUMPUR, Rabu — Pelabur Jepun di Malaysia berjaya mewujudkan batu asas dalam mengeratkan hubungan persahabatan antara kedua-dua negara, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Tidak dapat dinafikan pelaburan yang dibuat adalah satu kejayaan besar bagi pelabur Jepun di sini dalam bentuk pulangan modal dan keupayaan mereka menembusi pasaran serantau dan dunia, katanya.

"Bukan sahaja anda dapat memperluaskan operasi untuk memenuhi permintaan luar negeri, bahkan sejak dua dekad

lalu, pelaburan anda di Malaysia meningkat dewasa," katanya.

Bagaimanapun, beliau menarik perhatian bahawa keadaan itu mungkin tidak dapat dinikmati tanpa kestabilan politik dan iklim perniagaan yang subur untuk pelaburan.

Dr Mahathir menyebut demikian dalam perutusannya di persidangan tahunan bersama ke-15 Per-

sekutu Ekonomi Malaysia-Jepun (MAJECA) dan Persatuan Ekonomi Jepun-Malaysia (JAMECA) selama dua hari di Genting Highlands, dekat sini, bermula hari ini.

Perdana Menteri men-

gucapkan terima kasih kepada kerajaan Jepun kerana persetujuan dan fahamannya dalam menghulurkan skim GSP Jepun untuk tempoh 10 tahun lagi dari Januari tahun ini hingga Mac 2001.

Dr Mahathir berharap peniaga Jepun akan membantu menggalakkan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) — inisiatif Malaysia yang telah diterima sebagai cadangan Asean — bagi mewujudkan satu sistem perdagangan dunia yang terbuka dan bebas.

Katanya, beliau juga berterima kasih kepada Jepun kerana menerima semakin banyak pelajar

Malaysia di universiti, kolej dan kilang negara itu.

"Kebanyakan graduan yang pulang ke tanahair mudah diterima bekerja oleh syarikat Jepun dan ada yang ditawarkan kerja ketika pada tahun akhir pengajian di Jepun," katanya dan memuji JAMECA kerana tugas positifnya dalam pelaksanaan Dasar Pandang Ke Timur.

Katanya, Malaysia menyediakan peruntukan besar untuk perkhidmatan pendidikan di luar negara bagi membantu kira-kira 60,000 pelajarnya di seberang laut atau separuh daripada permintaan dalam negeri untuk pengajian tinggi.